

ETIQA TERM TAKAFUL PLUS – SOALAN LAZIM

SEKSYEN 1 – MENGENAI PELAN

	Apakah Etiqa Term Takaful Plus?								
1.	<p>Etiqa Term Takaful Plus merupakan satu pelan takaful yang memberi perlindungan kepada kematian, dan hilang upaya menyeluruh dan kekal (HUMK) sehingga umur 70 tahun. Jumlah yang dilindungi tambahan akan dibayar sekiranya kematian atau HUMK akibat kemalangan. Etiqa Term Takaful Plus merupakan satu produk patuh Shariah. Sila rujuk kepada helaian pendedahan produk atau sijil untuk pengecualian-pengecualian, terma dan syarat Etiqa Term Takaful Plus yang terperinci.</p>								
	Apakah manfaat yang ditawarkan oleh Etiqa Term Takaful Plus?								
2.	<p>Manfaat-manfaat yang ditawarkan adalah seperti yang berikut, tertakluk kepada pengecualian-pengecualian, terma dan syarat yang dinyatakan di dalam sijil:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: black; color: white;"> <th style="padding: 5px;">Manfaat-manfaat</th> <th style="padding: 5px;">Bayaran Manfaat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px;">Manfaat Kematian</td><td style="padding: 5px;">100% jumlah yang dilindungi akan dibayar apabila berlaku kematian orang yang dilindungi.</td></tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Manfaat HUMK</td><td style="padding: 5px;">100% jumlah yang dilindungi akan dibayar apabila orang yang dilindungi mengalami HUMK. <i>Nota: bayaran manfaat ini akan mengurangkan manfaat kematian.</i></td></tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Manfaat Kemalangan</td><td style="padding: 5px;"> <u>Kematian akibat kemalangan:</u> <ol style="list-style-type: none"> 1) Tambahan 100% jumlah yang dilindungi akan dibayar, di atas manfaat kematian, sekiranya kematian orang yang dilindungi akibat kemalangan; atau 2) Tambahan 200% jumlah yang dilindungi akan dibayar, di atas manfaat kematian, sekiranya kematian orang yang dilindungi akibat kemalangan di luar negara. <u>HUMK akibat kemalangan:</u> Tambahan 100% jumlah yang dilindungi akan dibayar, di atas manfaat HUMK, sekiranya orang yang dilindungi mengalami HUMK akibat kemalangan. </td></tr> </tbody> </table>	Manfaat-manfaat	Bayaran Manfaat	Manfaat Kematian	100% jumlah yang dilindungi akan dibayar apabila berlaku kematian orang yang dilindungi.	Manfaat HUMK	100% jumlah yang dilindungi akan dibayar apabila orang yang dilindungi mengalami HUMK. <i>Nota: bayaran manfaat ini akan mengurangkan manfaat kematian.</i>	Manfaat Kemalangan	<u>Kematian akibat kemalangan:</u> <ol style="list-style-type: none"> 1) Tambahan 100% jumlah yang dilindungi akan dibayar, di atas manfaat kematian, sekiranya kematian orang yang dilindungi akibat kemalangan; atau 2) Tambahan 200% jumlah yang dilindungi akan dibayar, di atas manfaat kematian, sekiranya kematian orang yang dilindungi akibat kemalangan di luar negara. <u>HUMK akibat kemalangan:</u> Tambahan 100% jumlah yang dilindungi akan dibayar, di atas manfaat HUMK, sekiranya orang yang dilindungi mengalami HUMK akibat kemalangan.
Manfaat-manfaat	Bayaran Manfaat								
Manfaat Kematian	100% jumlah yang dilindungi akan dibayar apabila berlaku kematian orang yang dilindungi.								
Manfaat HUMK	100% jumlah yang dilindungi akan dibayar apabila orang yang dilindungi mengalami HUMK. <i>Nota: bayaran manfaat ini akan mengurangkan manfaat kematian.</i>								
Manfaat Kemalangan	<u>Kematian akibat kemalangan:</u> <ol style="list-style-type: none"> 1) Tambahan 100% jumlah yang dilindungi akan dibayar, di atas manfaat kematian, sekiranya kematian orang yang dilindungi akibat kemalangan; atau 2) Tambahan 200% jumlah yang dilindungi akan dibayar, di atas manfaat kematian, sekiranya kematian orang yang dilindungi akibat kemalangan di luar negara. <u>HUMK akibat kemalangan:</u> Tambahan 100% jumlah yang dilindungi akan dibayar, di atas manfaat HUMK, sekiranya orang yang dilindungi mengalami HUMK akibat kemalangan.								
3.	Siapakah yang sesuai untuk produk ini? Produk ini sesuai bagi individu yang mencari pelan perlindungan dengan kadar sumbangan yang berpatutan untuk diri sendiri, pasangan dan anak-anak.								
4.	Siapakah yang layak untuk menyertai pelan ini? Pelan ini ditawarkan kepada Warganegara Malaysia yang juga ahli-ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sumbangan akan ditolak dari akaun KWSP anda, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat KWSP. Selain itu, sebagai ahli KWSP, anda boleh membeli pelan ini bersama dengan ahli-ahli keluarga anda. Sila rujuk ke Seksyen 6 – Pakej Keluarga untuk maklumat lanjut.								
5.	Apakah umur kelayakan untuk memohon pelan ini?								

	<p>Umur kelayakan untuk dilindungi adalah seperti yang berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Orang Yang Dilindungi</th><th>Umur Kemasukan (Umur pada hari jadi berikutnya)</th><th>Umur Tamat Tempoh (Umur pada hari jadi berikutnya)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ahli KWSP</td><td>17 – 65 tahun</td><td>70 tahun</td></tr> </tbody> </table>	Orang Yang Dilindungi	Umur Kemasukan (Umur pada hari jadi berikutnya)	Umur Tamat Tempoh (Umur pada hari jadi berikutnya)	Ahli KWSP	17 – 65 tahun	70 tahun
Orang Yang Dilindungi	Umur Kemasukan (Umur pada hari jadi berikutnya)	Umur Tamat Tempoh (Umur pada hari jadi berikutnya)					
Ahli KWSP	17 – 65 tahun	70 tahun					
6.	<p>Apakah itu umur pada hari jadi berikutnya?</p> <p>Penerimaan permohonan ini berdasarkan umur anda pada hari jadi berikutnya. Umur pada hari jadi berikutnya bermakna umur anda pada hari jadi seterusnya. Sekiranya anda telah menyambut hari jadi ke-30, hari jadi anda yang seterusnya adalah 31, jadi umur anda pada hari jadi berikutnya adalah 31 tahun.</p>						
7.	<p>Bagaimakah saya tahu jumlah perlindungan yang diperlukan oleh saya di bawah pelan ini?</p> <p>Sila layari https://www.mycovrage.my/kalkulator/perlindungan_hayat_bertempoh untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang perlindungan yang anda perlukan dan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan berdasarkan pendapatan, perbelanjaan dan tanggungjawab kewangan semasa anda dengan kalkulator yang disediakan.</p>						
8.	<p>Bagaimakah boleh saya menyertai Etiqa Term Takaful Plus?</p> <p>Log masuk ke Portal KWSP i-Akaun -> masuk ke tab 'i-Lindung' -> pilih Etiqa Term Takaful Plus -> lengkapkan maklumat di portal Etiqa -> lengkapkan kebenaran untuk potongan daripada Akaun KWSP melalui Gerbang Pemindahan ("Transfer Gateway") KWSP i-Akaun.</p>						
9.	<p>Bagaimakah saya akan mendapatkan pengesahan bagi permohonan saya? Bilakah pelan perlindungan ini akan bermula?</p> <p>Pengesahan bagi permohonan anda adalah serta merta. Perlindungan akan bermula pada hari permohonan diterima tertakluk kepada sumbangan diterima oleh kami. Dokumen-dokumen sijil dan resit pembayaran akan dihantar melalui e-mel kepada anda.</p> <p>Anda boleh melihat perlindungan bagi sijil yang aktif dari platform i-Lindung melalui i-Akaun (Ahli) KWSP. Selain itu, anda juga boleh dapatkan butiran sijil tersebut dengan muat turun aplikasi Etiqa+ melalui App Store atau Google Play.</p> <p>Sementara itu, pembayaran sumbangan yang tidak berjaya akan mengakibatkan sijil anda dibatalkan dari hari permohonan anda diterima.</p>						
10.	<p>Adakah pemeriksaan perubatan diperlukan semasa permohonan?</p> <p>Etiqa Term Takaful Plus adalah satu produk penerimaan dijamin, anda tidak perlu menjawab sebarang soalan kesihatan atau menjalani sebarang pemeriksaan perubatan.</p>						
11.	<p>Berapakah jumlah yang dilindungi minimum dan maksimum untuk pelan ini?</p> <p>Jumlah yang dilindungi minimum pelan ini adalah RM10,000, dengan peningkatan setiap RM5,000.</p> <p>Jumlah yang dilindungi maksimum pelan ini adalah RM200,000.</p> <p>Nota:</p> <p>Sila rujuk kepada Q44 dibawah Seksyen 6 – Paket Keluarga untuk kelayakan ahli-ahli keluarga.</p>						
12.	<p>Adakah saya dapat menikmati lebihan?</p>						

	Bahagian lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana Risiko Peserta (DRP) akan ditentukan dan diagihkan secara tahunan oleh Kami. 50% daripada lebihan, jika ada, akan dibayar kepada kami dan 50% lagi akan dikongsi di kalangan peserta yang layak.
13.	Bolehkah saya mengubah jumlah yang dilindungi bagi sijil Etiqa Term Takaful Plus? Anda tidak dibenarkan untuk meningkatkan jumlah yang dilindungi bagi Etiqa Term Takaful Plus. Sekiranya anda ingin mendapatkan perlindungan tambahan, anda boleh menyertai sijil Etiqa Term Takaful Plus yang baru. Pengurangan jumlah yang dilindungi adalah dibenarkan, pengunderaitan dan pemeriksaan perubatan tidak diperlukan. Jumlah yang dilindungi baru akan berkuatkuasa dari ulang tahun sijil seterusnya.
14.	Adakah tempoh menunggu berkenaan dengan Etiqa Term Takaful Plus sebelum saya layak untuk tuntutan? Ya, bagi membunuh diri semasa siuman, kematian atau HUMK bukan akibat kemalangan yang berlaku dalam tempoh 1 tahun dari tarikh pengeluaran sijil, kami akan mengembalikan jumlah sumbangan yang telah dibayar oleh anda kepada kami.
15.	Apakah pengecualian-pengecualian bagi Etiqa Term Takaful Plus? Sila rujuk kepada helaian pendedah produk dan sijil untuk maklumat lanjut.
16.	Bolehkah warga asing menyertai pelan ini? Tidak, pelan ini hanya ditawarkan kepada warganegara Malaysia.
17.	Bolehkah saya menyertai pelan ini melalui ejen? Pelan ini tidak ditawarkan melalui ejen, penyertaan pelan ini hanya boleh dibuat melalui portal KWSP i-Akaun sahaja. Tiada komisen dibayar untuk pelan ini.
18.	Saya sudah mempunyai sijil Etiqa Term Takaful Plus sedia ada, bolehkah saya memohon sijil yang baru? Anda boleh menyertai dalam beberapa sijil Etiqa Term Takaful Plus, sehingga amaun perlindungan yang digabungkan ialah RM 200,000.
19.	Bolehkah saya membatalkan sijil ini? Anda boleh membatalkan pelan ini dengan memaklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh percuma 15 hari selepas sijil diterima oleh anda. Kami akan mengembalikan sumbangan anda ke Akaun KWSP anda. Sekiranya anda mencapai hari jadi ke-55, kami akan kreditkan pemulangan sumbangan ke dalam akaun bank anda. Anda boleh rujuk kepada portal KWSP untuk transaksi pembatalan. Sekiranya anda mencapai hari jadi ke-55, transaksi pembatalan mungkin tidak akan dipaparkan di portal KWSP dengan segera. Walau bagaimanapun, anda boleh e-mel kami at info@etiqadirect.com.my , atau hubungi Etiqa Oneline di 1-300-13-8888 untuk sebarang pertanyaan mengenai transaksi anda. Live Chat 24-jam juga boleh didapati di laman web kami untuk sebarang pertanyaan.
20.	Adakah saya akan dapat nilai serahan sekiranya saya menyerah sijil saya? Tidak, tiada nilai serahan akan dibayar untuk sijil ini, anda mungkin akan layak untuk mendapat lebihan DRP, jika ada.
21.	Apakah yang akan saya terima sekiranya tiada tuntutan dibuat sepanjang tempoh sijil? Ini adalah satu pelan perlindungan Takaful yang tulen dan ia tidak mempunyai sebarang manfaat kematangan.
22.	Adakah sumbangan yang dibayar untuk Etiqa Term Takaful Plus layak untuk pelepasan cukai pendapatan?

	Ya, 100% daripada sumbangan yang dibayar untuk pelan ini mungkin melayakkan anda untuk pelepasan cukai pendapatan peribadi di bawah kategori Insurans hayat/Takaful Keluarga, tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
--	--

SEKSYEN 2 – SUMBANGAN DAN CAJ

	Berapakah sumbangan yang perlu saya bayar?
23.	<p>Sila rujuk kepada helaian pendedahan produk atau sijil takaful bagi sumbangan yang diperlukan untuk pelan ini. Anda akan dicajkan sumbangan berdasarkan umur (umur pada hari jadi berikutnya), jantina, pakej individu/keluarga dan jumlah yang dilindungi pada masa permohonan.</p> <p>Sumbangan mungkin akan dinaikkan pada hari pertama tahun sijil berikutnya, berdasarkan umur yang telah dicapai anda.</p>
24.	<p>Bagaimakah saya membayar sumbangan?</p> <p>Sumbangan akan dibayar melalui pemotongan automatik dari akaun KWSP, tertakluk kepada terma dan syarat KWSP.</p> <p>Manakala, sekiranya ahli KWSP adalah umur 55 dan keatas, dan yang mempunyai kekurangan dana di dalam akaun KWSP, anda boleh membayar sumbangan secara:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Perbankan atas talian; 2) Kad kredit/debit; atau 3) Perkhidmatan auto debit akaun perbankan (MBB dan BSN) <p>Sekiranya cara pembayaran sumbangan atas telah dipilih, pengembalian kepada akaun KWSP tidak dibenarkan. Sila rujuk kepada laman web KWSP untuk terma dan syarat terperinci.</p>
25.	<p>Apakah frekuensi pembayaran sumbangan bagi sijil ini?</p> <p>Sumbangan adalah dibayar tahunan, dan anda perlu membuat bayaran sumbangan sepanjang tempoh sijil.</p>
26.	<p>Apakah yang akan berlaku sekiranya saya berhenti membayar sumbangan?</p> <p>Terdapat tempoh tangguh selama 31 hari dari tarikh sumbangan perlu dibayar yang diberikan kepada anda untuk membayar sumbangan. Anda masih dilindungi sepanjang tempoh tangguh. Jika sumbangan yang diperlukan tidak dibayar di dalam tempoh tangguh, sijil anda mungkin luput selepas itu dan anda tidak akan berhak ke atas manfaat sijil sekiranya berlaku kejadian yang dilindungi.</p>
27.	<p>Adakah caj-caj tambahan bagi Etiqa Term Takaful Plus?</p> <p>Fi Wakalah pendahuluan sebanyak 25% setiap sijil akan ditolak dari jumlah sumbangan tahunan bagi tujuan menanggung perbelanjaan pengendalian dan pengurusan pelan ini. Baki sumbangan akan dimasukkan ke dalam Dana Risiko Peserta.</p>
	SEKSYEN 3 – PERKHIDMATAN SIJIL
28.	<p>Siapakah yang boleh saya hubungi sekiranya saya ingin mengemaskini informasi peribadi atau butiran perhubungan saya?</p> <p>Anda boleh e-mel kami di info@etiqua.com.my atau hubungi Etiqa Oneline di talian 1-300-13-8888.</p>
29.	<p>Apakah yang perlu dilakukan sekiranya saya kehilangan atau tidak menerima dokumen sijil?</p> <p>Anda boleh e-mel kami di info@etiqua.com.my atau hubungi Etiqa Oneline di talian 1-300-13-8888.</p>
30.	<p>Bagaimana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?</p>

	<p>Anda boleh e-mel kepada kami di info@etiqam.com.my, hubungi Etiqa Online di talian 1-300-13-8888, atau layari laman web kami di www.etiqam.com.my untuk maklumat lanjut. Live Chat 24-jam juga boleh didapati di laman web kami untuk sebarang pertanyaan.</p>
--	--

SEKSYEN 4 - PENAMAAN

	<p>Mengapakah ia adalah penting untuk menamakan seorang beneficiari?</p>
31.	<p>Penamaan adalah penting untuk memastikan orang kesayangan anda akan menerima manfaat seperti yang anda inginkan dan manfaat-manfaat di bawah sijil boleh dibuat oleh Etiqa tanpa sebarang kelewatan. Penama tersebut boleh menjadi wasi atau penerima manfaat dibawah Hibah (Hadiah) bersyarat.</p> <p>Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada penama anda mengenai manfaat sijil dan penamaan.</p>
	<p>Siapakah yang boleh saya namakan sebagai beneficiari untuk sijil saya?</p>
32.	<p>1) Penama mestilah seorang individu. Penamaan kepada sesuatu organisasi adalah tidak dibenarkan.</p> <p>2) Sekiranya penama anda adalah di bawah umur 18 tahun semasa tuntutan dibuat, semua manfaat akan dibayar kepada ibu bapa yang masih hidup atau pihak menuntut yang wajar, iaitu penjaga yang sah, tertakluk kepada bukti undang-undang / dokumen sokongan yang berkenaan.</p>
	<p>Bagaimakah saya membuat penamaan?</p>
33.	<p>Isikan borang tuntutan disediakan di laman web www.etiqam.com.my. Tandatangani borang penamaan yang telah lengkap, imbas dan hantar ke getonline@etiqam.com.my atau hantar ke alamat pos kami di Etiqa Family Takaful Berhad, Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000, Kuala Lumpur. Live Chat 24-jam juga boleh didapati di laman web kami untuk sebarang pertanyaan.</p>
	<p>Siapakah akan menerima manfaat jika saya meninggal dunia atau menjadi HUMK dalam tempoh perlindungan?</p>
34.	<p>Sekiranya peserta adalah orang yang dilindungi, anda boleh menamakan seorang individu atau lebih, untuk menerima manfaat kematian anda. Manakala, manfaat akan dibayar kepada anda sekiranya anda mengalami HUMK.</p> <p>Dalam keadaan dimana peserta berlainan dengan orang yang dilindungi, semua manfaat akan dibayar kepada peserta jika orang yang dilindungi meninggal dunia atau mengalami HUMK.</p>

SEKSYEN 5 - TUNTUTAN

	<p>Bagaimakah untuk membuat tuntutan sekiranya kejadian yang dilindungi berlaku (kematian atau HUMK)?</p>
35.	<p>Untuk maklumat lanjut tentang bagaimana untuk membuat tuntutan dan dokumen tambahan yang diperlukan, sila layari https://www.etiqam.com.my/v2/claims/life-family. Kami boleh dihubungi melalui e-mel di info@etiqam.com.my atau hubungi Etiqa Online di talian 1-300-13-8888.</p>
	<p>Berapa lamakah tuntutan akan diproses?</p>
36.	<p>Kami memerlukan 7 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima untuk memproses tuntutan.</p>

SEKSYEN 6 – PAKEJ KELUARGA

	<p>Apakah itu pakej keluarga Etiqa Term Takaful Plus?</p>
37.	<p>Pakej keluarga Etiqa Term Takaful Plus membolehkan anda memperolehi perlindungan Takaful untuk ahli keluarga anda dalam satu pakej Takaful. Walau bagaimanapun, setiap ahli keluarga anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih jumlah yang dilindungi untuk diri sendiri dimana sijil individu akan dikeluarkan untuk setiap ahli keluarga,</p>

	dengan syarat jumlah yang dilindungi tidak boleh lebih daripada ahli KWSP. Sebagai ahli KWSP, anda adalah orang utama yang dilindungi dan juga peserta kepada semua sijil yang dipohon dibawah pakej keluarga.
38.	<p>Siapa boleh menyertai pakej keluarga ini?</p> <p>Pakej keluarga Etiqa Term Takaful Plus mesti terdiri daripada sekurang-kurangnya 2 orang dalam mana-mana kombinasi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ahli KWSP dan pasangan • Ahli KWSP dan anak-anak • Ahli KWSP, pasangan dan anak-anak
39.	<p>Siapakah yang layak untuk menyertai?</p> <p>Warganegara Malaysia dengan lingkungan umur seperti berikut layak untuk menyertai, tertakluk kepada pemenuhan soalan-soalan kesihatan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ahli KWSP: 17 tahun hingga 65 tahun (umur pada hari lahir berikutnya) • Pasangan: 17 tahun hingga 65 tahun (umur pada hari lahir berikutnya) • Anak-anak: 14 hari hingga 16 tahun (umur pada hari lahir berikutnya)
40.	<p>Berapa lamakah tempoh perlindungan bagi saya dan ahli keluarga saya dibawah pakej keluarga Etiqa Term Takaful Plus?</p> <p>Ahli KWSP: sehingga umur 70 tahun. Pasangan: sehingga umur 70 tahun orang yang dilindungi atau umur 70 tahun ahli KWSP, yang mana lebih awal. Anak-anak: sehingga umur 25 tahun orang yang dilindungi atau umur 70 tahun ahli KWSP, yang mana lebih awal.</p>
41.	<p>Berapakah bilangan ahli keluarga yang boleh dimasukkan dalam pakej keluarga?</p> <p>Jumlah ahli keluarga yang dibenarkan dalam pakej keluarga adalah sehingga 12 orang (hanya 1 pasangan yang dibenarkan). Contoh, ahli KWSP dengan 10 orang anak, atau ahli KWSP member dan pasangan dengan 10 orang anak.</p> <p><i>Nota: had maksimum adalah 1 pasangan dan 10 orang anak untuk setiap pakej keluarga.</i></p>
42.	<p>Adakah pemeriksaan perubatan diperlukan semasa permohonan?</p> <p>Etiqa Term Takaful Plus adalah satu produk penerimaan dijamin, ahli keluarga anda tidak perlu menjawab sebarang soalan kesihatan atau menjalani sebarang pemeriksaan perubatan.</p>
43.	<p>Jika saya telah menyertai sijil individu Etiqa Term Takaful Plus untuk diri sendiri, bolehkah saya bertukar ke pakej keluarga?</p> <p>Tidak, penukaran adalah tidak dibenarkan untuk pelan ini. Sekiranya anda ingin melanjutkan perlindungan kepada ahli keluarga anda, sehingga maksimum 11 orang ahli (1 pasangan & 10 anak-anak), anda diminta untuk memohon pelan baru bersama dengan ahli-ahli keluarga anda, tertakluk kepada jumlah yang dilindungi individu RM200,000.</p>
44.	<p>Apakah jumlah yang dilindungi layak untuk ahli keluarga saya?</p> <p>Jumlah yang dilindungi minimum pelan ini adalah RM10,000, dengan peningkatan setiap RM5,000.</p> <p>Jumlah yang dilindungi maksimum pelan ini adalah RM200,000.</p> <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Jumlah yang dilindungi ahli keluarga adalah sama dengan atau lebih rendah daripada jumlah yang dilindungi ahli KWSP.</i>

	2. Sekiranya terdapat sebarang penukaran ke atas jumlah yang dilindungi ahli KWSP dimana jumlah yang dilindunginya adalah lebih rendah daripada ahli keluarganya, oleh kerana itu, jumlah yang dilindungi ahli keluarga dia akan dilaraskan sewajarnya.
45.	<p>Adakah jumlah yang dilindungi dikongsi oleh semua ahli keluarga?</p> <p>Ia tidak dikongsi. Setiap ahli keluarga akan mempunyai jumlah yang dilindungi sendiri mengikut jumlah yang dilindungi yang dipilih. Apa-apa tuntutan dari salah satu ahli keluarga, tidak akan menjelaskan jumlah yang dilindungi ahli keluarga yang lain.</p>
46.	<p>Berapa yang perlu saya bayar untuk pakej keluarga?</p> <p>Ia bergantung kepada bilangan ahli keluarga yang mendaftar pakej keluarga. Sumbangan bagi setiap ahli keluarga anda adalah berdasarkan kepada jumlah yang dilindungi, jantina dan umur hari jadi berikutnya pada tarikh permulaan masing-masing. Anda diminta membayar jumlah sumbangan di bawah pakej keluarga sepanjang tempoh sijil.</p>
47.	<p>Bagaimana jika anak saya berumur 17 tahun ke atas? Bolehkah dia dimasukkan ke dalam pakej keluarga saya?</p> <p>Anak berumur 17 tahun (umur pada hari jadi berikutnya) dan ke atas ditakrifkan sebagai orang dewasa dan tidak boleh dimasukkan ke dalam pakej keluarga anda.</p> <p>Sebagai alternatif, sekiranya anak anda adalah seorang ahli KWSP, beliau boleh memohon pelan Etiqa Term Takaful Plus individu. Sekiranya anak anda sudah berkahwin, maka dia boleh membuat pertimbangan untuk memohon pakej keluarganya sendiri.</p>
48.	<p>Selepas menyertai pakej keluarga, bolehkah saya menambah atau membatalkan ahli keluarga?</p> <p>Penambahan ahli baru adalah tidak dibenarkan. Anda perlu memohon pakej keluarga yang baru bersama dengan ahli keluarga tambahan.</p> <p>Pembatalan ahli keluarga adalah dibenarkan pada tarikh pembayaran sumbangan berikutnya atas permintaan.</p>
49.	<p>Apakah akan berlaku kepada sijil-sijil ahli keluarga saya sekiranya saya meninggal dunia atau membuat tuntutan HUMK dalam tempoh sijil?</p> <p>Sekiranya anda sebagai ahli KWSP dan juga peserta meninggal dunia atau mengalami HUMK, Etiqa akan bayar jumlah yang dilindungi sepenuhnya dan sijil anda akan ditamatkan. Apabila sijil ahli KWSP ditamatkan, sijil-sijil ahli keluarga lain dalam pakej keluarga akan ditamatkan juga pada akhir tahun sijil semasa.</p> <p>Contoh 1:</p> <p>Ali memohon pakej keluarga Etiqa Term Takaful Plus untuk diri sendiri, pasangan dia (Sofia) dan anak (Anis), dengan jumlah perlindungan sebanyak RM100,000 setiap individu. 6 tahun kemudian, Ali meninggal dunia dalam satu kemalangan jalan raya.</p> <p>Tarikh permulaan sijil – 1/1/2024</p> <p>Ali meninggal dunia dengan tuntutan manfaat kematian dibayar pada Jun 2030, sijil Ali ditamatkan.</p> <p>Nota –Sijil bagi Sofia dan Anis masih berkuatkuasa dan memberikan perlindungan sampai akhir tahun sijil tersebut, dimana adalah pada 31/12/2030, dan akan ditamatkan kemudian.</p> <p>Walau bagaimanapun, jika Sofia dan Anis merupakan ahli KWSP, mereka layak untuk menyertai pelan Etiqa Term Takaful Plus individu bagi diri sendiri.</p>
50.	<p>Apakah akan berlaku kepada sijil-sijil lain dalam pakej keluarga saya sekiranya sijil saya telah tamat tempoh?</p> <p>Apabila sijil ahli KWSP ditamatkan kerana tamat tempoh sijil, perlindungan ke atas ahli keluarga lain dalam pakej keluarga yang sama akan ditamatkan.</p>

Contoh 1:

Ali, berumur 50 tahun, memohon Etiqa Term Takaful Plus untuk diri sendiri dan pasangan dia (Sofia, umur 45 tahun), dengan jumlah perlindungan RM100k setiap individu.

Tarikh permulaan sijil - 1/1/2024

Sijil Ali tamat tempoh pada 31/12/2044

Nota – Sijil Sofia sepatutnya tamat tempoh pada umurnya 70 tahun, atau umur 70 tahun Ali, yang mana lebih awal. Sijil Ali akan tamat tempoh pada umur 70 tahun beliau, oleh kerana itu, sijil Sofia akan ditamatkan.

Walau bagaimanapun, jika Sofia merupakan seorang ahli KWSP, dia layak untuk menyertai pelan Etiqa Term Takaful Plus individu bagi diri sendiri.